

Pemandu lori curi 357 unit minyak masak yang bernilai RM32,453.52 dihukum penjara enam bulan

KUCHING: Seorang warga emas yang bekerja sebagai pemandu lori dipenjarakan enam bulan di Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah bersubahat mencuri harta majikan iaitu 357 unit minyak masak pelbagai saiz (1,357kg) bernilai RM32,453.52.

Lai Min Kong, 59, membuat pengakuan itu di hadapan Penolong Pendaftar Kanan Jessica Lee Suk Kiun, sebaik didakwa mengikut Seksyen 109 dibaca bersama Seksyen 381 Kanun Keseksaan.

Seksyen berkenaan membawa hukuman penjara sehingga tujuh tahun dan boleh didenda, jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, Lai didakwa bersubahat dengan seorang pekerja am sebuah kilang memproses minyak dan produk lain, mencuri 357 bungkusan minyak masak pelbagai saiz bernilai RM32,453.52 milik syarikat tempat kerjanya.

Kesalahan itu didakwa dilakukannya di kilang terbabit di Jalan Bako, Sungai Jenang, sekitar jam 6.35 pagi pada 29 Julai 2026.



DIHUKUM: Lai (depan, kiri) bersama rakan subahatnya diiring keluar dari kamar Mahkamah Majistret Kuching semalam selesai prosiding kes.

Fakta kes mendedahkan laporan polis dibuat selepas pihak kilang mendapati 250 kotak minyak masak lima kilogram dan 107 kotak minyak masak satu kilogram bernilai RM32,453.52 telah hilang.

Bertindak atas laporan itu, polis menahan Lai di hadapan sebuah premis di Jalan Datuk Abang Abdul Rahim, Kuching, sekitar jam 11 pagi kesokan harinya.

Hasil siasatan mendapati Lai bersubahat dengan se-

orang pekerja am kilang berkenaan dalam melakukan kesalahan mencuri minyak masak terbabit.

Sementara itu, rakan subahat Lai yang berusia 27 tahun mengaku tidak bersalah apabila didakwa di Mahkamah Majistret berasingan semalam atas 14 pertuduhan, kesemuanya dibuat mengikut Seksyen 381 Kanun Keseksaan.

Mengikut semua pertuduhan, tertuduh selaku seorang pekerja am di kilang sama di-

dakwa melakukan kesalahan mencuri minyak masak, gula dan marjerin pelbagai kuantiti dengan nilai keseluruhan sekitar RM463,964.32 dalam 14 kejadian berasingan.

Kesemua kesalahan itu didakwa dilakukannya antara 14 Mac hingga 29 Julai tahun ini, sekitar jam 6.28 pagi hingga 7 pagi di kilang berkenaan di Jalan Bako, Sungai Jenang.

Sebaik pengakuan tidak bersalah direkodkan, mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin RM3,000 tanpa deposit dengan dua penjamin tempatan yang masing-masing berpendapatan tidak kurang RM2,000 sebulan.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh menyerahkan pasport kepada mahkamah serta melapor diri di balai polis berhampiran sekali setiap bulan sehingga kes selesai.

Pendakwaan dilakukan secara berasingan oleh Timbalan Pendakwa Raya (DPP) Ahmad Fauzulutfi Suriani dan DPP Nurul Aqila Moralin.

Lai tidak diwakili peguam sementara rakan subahatnya diwakili peguam Ralph Lee.